

ORIGINAL ARTICLE

PENGARUH FAKTOR PERSEPSI NEGATIF DAN BUDAYA TULAR TERHADAP BULI SIBER DI MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR DAN GOLONGAN MUDA (The Influence of Negative Perception Factors and Viral Phenomenon against Cyber Bullying on Social Media among Students and Youngsters)

Mohd Mokhtarishah Bin Mohamed Mokhtar^{1,*} and Hasmadi Bin Hj. Hassan¹

¹Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

ABSTRACT – This writing aims to cover the negative perception and viral phenomenon that is often used as a tool or weapon for self-interest and influence. Perception has become an important and cultural thing for some individuals around the world. Some even think that perception is one of the art of writing. Viraling contents on social media also plays a role in spreading perceptions so that it is able to capture hearts and influence thinking. This study is proposed after seeing the rapid use of social media as a medium to bully each other, which is feared to invite prejudice, mutual hatred and hostility. The public is concerned about the content of messages and comments that are misleading, slanderous and disgraceful. Therefore, this study has the opportunity to see the extent to which the development of perception and viraling has implications for cyberbullying on social media. A study sample of 400 respondents consisting of young people. A set of questionnaires containing 46 items was constructed by the researcher based on the research sources and was distributed to the respondents. While the data obtained was analyzed using the software "Statistical Packages For Social Sciences" (SPSS) version 23.0. Data analysis is done by using descriptive statistics ie percentage, mean and standard deviation to answer the research questions. While inferential statistics namely one-way Anova, t-test and correlation are used to test the research hypotheses. The results of this study are expected to contribute to identifying the use of social media as a negative perception and viraling culture as well as to further increase public awareness so as not to use social media as a tool for cyber bullying in everyday life.

ABSTRAK – Penulisan ini bertujuan untuk mengupas tentang persepsi negatif dan budaya tular yang sering dijadikan alat atau senjata untuk kepentingan diri dan pengaruh. Persepsi sudah menjadi satu perkara yang penting dan budaya oleh sesetengah individu di seluruh dunia. Malahan ada yang beranggapan persepsi adalah salah satu seni penulisan. Tular pula memainkan peranan menyebar luaskan persepsi sehingga mampu menawan hati dan mempengaruhi pemikiran. Kajian ini dicadangkan setelah melihat kerancakan penggunaan media sosial sebagai medium untuk membuli antara satu sama lain yang dikhuatiri boleh mengundang buruk sangka, sikap saling membenci dan permusuhan. Masyarakat bimbang dengan kandungan mesej dan komen yang mengelirukan, cacian dan menjatuhkan aib seseorang. Oleh itu, kajian ini berpeluang melihat sejauh mana perkembangan persepsi dan tular mengundang implikasi kepada buli siber di media sosial. Sampel kajian seramai 400 responden yang terdiri daripada golongan muda. Satu set soal selidik yang mengandungi 46 item dibina oleh penyelidik berdasarkan sumber-sumber kajian dan telah diedarkan kepada responden. Manakala data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian "Statistical Packages For Social Sciences" (SPSS) versi 23.0. Penganalisaan data dibuat dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan sisihan lazim bagi menjawab persoalan kajian. Sementara statistik inferensi iaitu Anova sehala, ujian-t dan kolerasi digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Hasil dapatkan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada mengenalpasti penggunaan media sosial sebagai persepsi negatif dan budaya tular serta mempertingkatkan lagi kesedaran orang ramai supaya tidak menjadikan media sosial sebagai alat untuk buli siber dalam kehidupan seharian.

ARTICLE HISTORY

Received: 12th April 2021

Revised: 19th April 2021

Accepted: 7th May 2021

KEYWORDS

Perception

Viral

Cyber bullying

PENGENALAN

Pada masa ledakan teknologi komunikasi kini, memperlihatkan penggunaan media sosial yang sangat ketara dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Sesiapa yang tidak menggunakan media sosial dianggap sebagai golongan yang ketinggalan zaman dalam kalangan masyarakat. Kemunculan aplikasi media sosial yang dekat dengan pengguna dan audiens alam maya seperti whatapps, facebook, blog, twitter, instagram dan tiktok telah mewujudkan satu ruang interaktif

dalam kalangan masyarakat disebabkan sifatnya yang menarik dan pantas. Komunikasi dalam kehidupan moden ini menjadi amat pantas. Ini berikutan perkembangan sains dan teknologi yang begitu pesat (Hamzah Hamdani, 1982).

Media sosial bukan sahaja sebagai medium untuk berinteraksi dalam kalangan masyarakat malah sebagai wadah untuk menyuarakan sebarang pandangan dan pendapat serta perkongsian sebarang idea. Media sosial banyak mempengaruhi masyarakat tidak kira golongan muda, remaja dan dewasa di Malaysia pada hari ini. Golongan yang banyak terkesan dengan propaganda yang dibawa oleh media ini ialah kanak-kanak, remaja dan wanita (Mansor Ahmad Saman, et al., 1984).

Perkataan persepsi mengikut definisi dari Kamus Dewan Edisi Keempat ialah (persépsi) gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera), tanggapan: kekuatan imaginasi, kepekaan.

Persepsi juga seerti dengan prasangka, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, prasangka ialah sangka (anggapan) buruk terhadap sesuatu (sesorang) sebelum mengetahui (menyelidiki yang sebenarnya). Sedangkan berprasangka ialah menaruh prasangka. Adapun keprasangkaan pula ialah sifat (rasa) prasangka.

Perbuatan suka buruk sangka dan suka mencari kesalahan orang lain bertujuan untuk mengaibkan dan mencari seseorang sangat dimurkai oleh Allah s.w.t sebagaimana Firman Allah s.w.t dalam surah al Hujurat ayat 12 bermaksud :

“Wahai orang-orang Yang beriman ! jauhilah kebanyakannya dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah sesetengah kamu mengumpat sesetengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadaNya. (oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah penerima taubat lagi maha mengasihani”.

Dalam ayat 12 Surah al Hujurat ini, Allah s.w.t memerintahkan orang yang beriman menjauhi sangkaan kerana kebanyakannya dari sangkaan itu merupakan dosa dan Allah s.w.t melarang mencari-cari keburukan orang dan menyebarkan keaiban orang lain. Ayat ini menunjukkan kepada kita betapa besarnya dosa mengumpat sehingga digambarkan seolah-olah kita memakan daging saudara kita sendiri.

Persepsi terbahagi kepada dua iaitu pertama ; persepsi baik atau persepsi sihat dan kedua; persepsi buruk atau persepsi songsang. Persepsi dibina secara sihat maka masyarakat memandang ianya sesuatu yang sihat terhadap individu dan kumpulan itu. Manakala persepsi songsang adalah persepsi yang tidak sihat dan tidak semestinya betul serta mempunyai unsur-unsur fitnah kerana menuduh tanpa sebarang bukti yang jelas atau secara dusta.

Menurut Kamus Bahasa dan Pustaka, definisi perkataan "viral" adalah virus. Berdasarkan alam siber dan Internet, "viral" lebih difahami sebagai sesuatu imej, video dan maklumat di media sosial yang tular dan merebak dengan begitu pantas dan meluas daripada seorang pengamal media sosial kepada pengguna yang lain. Mesej atau bahan yang diviralkan tersebar luas tanpa sempadan seperti ada butang yang berfungsi secara automatik dan maklumat diperolehi di hujung jari sahaja.

Sesuatu viral yang ditularkan secara berulang-ulang walaupun tidak semestinya betul, lama kelamaan ada pihak yang akan terpengaruh dengan mempercayainya kerana disogokkan dengan maklumat yang sama seolah-olah maklumat itu tepat dan benar apatah lagi jika tiada pihak yang membantah dan memperbetulkan maklumat songsang itu.

Budaya buli siber sudah menjadi fenomena baru dan amat dirasai kesannya dalam pelbagai peringkat masyarakat sama ada individu dan komuniti. Apabila wujud kesamaran dalam sesuatu perkara maka menuntut kepada pengurusan persepsi. Kegagalan pengurusan persepsi yang baik menyebabkan sesuatu yang ada di media sosial diviralkan secara pantas tanpa usul periksa untuk mendapatkan perhatian dan menagih tontonan yang banyak. Berpuncu dari kegagalan pengurusan persepsi kendiri maka berlakulah budaya tular di media sosial sehingga terjadi buli siber dengan menggunakan perkataan yang kasar, kesat dan kotor yang sudah semestinya memberi kesan kepada emosi dan fikiran mangsa buli siber.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Persepsi membawa erti tanggapan dan sangkaan. Persepsi positif atau sangkaan baik dipanggil husnulzhan manakala persepsi negatif atau sangkaan buruk dipanggil su'uzzhan. Perang Persepsi sering berlaku di media sosial apabila ada pihak yang berusaha mahu orang lain mempercayai pandangannya dan mengalahkan pihak yang lain. Pelbagai strategi digunakan dalam meraih sokongan antaranya mempertajamkan persepsi dengan gambaran dan hujah yang mengelirukan dan penafian secara terbuka terhadap tindakan yang telah dilakukan.

Islam tidak menghalang perbezaan pendapat dan pandangan asalkan

tidak menyebarkan benih perpecahan dan meniupkan api permusuhan. Perbezaan pendapat adalah perkara furuk merupakan rahmat kepada umat Islam dan kemudahan baginya. Disebut oleh al-Suyuti dalam al-Jami'al Saghir: maksudnya “perbezaan umatku adalah suatu rahmat”.

Perbezaan pendapat di kalangan umat manusia dalam urusan agama dan dunia akan terus berlaku hingga akhir zaman seperti Firman Allah s.w.t dalam Surah Hud ayat 118-119 yang bermaksud:

“Kalau Tuhanmu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu, tetapi mereka sentiasa berbeza pendapat, kecuali orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menciptakan mereka...”

Pada zaman teknologi yang serba canggih ini, kes buli siber berpuncak dari sikap tidak bertanggungjawab di hujung jari sahaja. Kes buli siber pantas tersebar di serata dunia tanpa perlu menunggu berita disampaikan oleh orang lain. Kejadian yang baru berlaku dalam beberapa saat dan minit yang lepas boleh diketahui umum melalui media sosial dalam

tempoh masa yang sangat singkat. Aplikasi media sosial yang menarik dan boleh didapati secara percuma dalam smartphone sering kali disalah gunakan oleh pengamal media sosial untuk menimbulkan persepsi negatif dan kecaman ke atas pandangan, idea, informasi yang dikemukakan oleh ahli-ahli politik, artis-artis, individu ternama, pakar perubatan, ahli perniagaan, guru-guru, para belia dan lain-lain. Penyebaran maklumat yang tidak selari dengan pemikiran sangat mudah dan cepat mengundang kepada perselisihan faham dan memberi impak yang buruk sama ada kepada individu, komuniti dan Negara.

Budaya buli siber hanya budaya yang membuang masa dan kadang-kadang dalam perbalahan di media siber tiada siapa yang menang umpama pepatah “Yang menang menjadi arang, Yang kalah menjadi abu”. Media sosial perlu dimanfaatkan kepada perkara yang positif seperti perniagaan online untuk mejana pendapatan dengan konsep dan idea perniagaan yang menarik sehingga menjadi viral di pelusuk kampung, bandar, daerah, negeri dan negara.

PERMASALAHAN KAJIAN

Persepsi negatif atau persepsi songsang mempunyai unsur-unsur fitnah. Perkataan fitnah mengikut definisi dari Kamus Dewan ialah “*Tuduhan (khabar, kisah dan lain-lain) yang diada-adakan (dibuat-buat) untuk memburukkan atau membencanakan seseorang.*” Persepsi songsang ini kadang-kadang menguntungkan mana-mana pihak yang mengamalkannya dan kadang-kadang menyebabkan masyarakat menjadi benci kepada individu dan kumpulan tertentu.

Buli siber adalah amalan sikap melampau sehingga menyakitkan mata memandang, menimbulkan keresahan hati, rasa tidak senang, mampu menggugat ketenteraman awam dan menimbulkan huru-hara dalam negara. Hadis Rasulullah menekankan nilai-nilai positif yang bermaksud :

“Tidak akan lurus iman seseorang hamba sehingga lurus hatinya, tidak akan lurus hatinya sehingga lurus lidahnya. Seorang hamba tidak akan masuk syurga selagi tetangganya belum aman daripada kejatahannya”. (Hadis riwayat Ibn Abi al-Dunya).

Bentuk penyebaran yang diviralkan kadangkala tidak sahih dan tidak dapat dibendung lagi. Buli siber kadangkala bermula sekadar lawak jenaka sahaja sebagai hiburan ringan semata-mata untuk menghilangkan tekanan, namun membabitkan unsur-unsur penghinaan, fitnah dan cacian, ia langsung memberi impak negatif kepada imej individu dan komuniti. Agama Islam melarang dan mengharamkan umatnya menghina atau mengejek orang lain (Johari Alias, 2003).

Sesetengah pengamal media sosial kini semua perkara mahu diviralkan dari cerita seorang bayi hingga cerita manusia dewasa pelbagai latar belakang dan termasuk cerita binatang. Segala perkara yang berpotensi untuk diviralkan akan disebarluaskan tanpa mengenal sesiapa, jika ada yang mencipta maka ada pula yang jadi tukang sebar tanpa disuruh dan dipaksa bagaikan virus yang menyerang.

Sesuatu yang sudah diviralkan dan apabila sudah dikongsi di media sosial mampu mencetuskan buli siber dengan komen-komen yang panas tanpa limitasi sehingga boleh menjatuhkan reputasi seseorang. Buli siber tidak semestinya dalam bentuk teks tetapi juga dalam bentuk bergambar dan video grafik. Kadangkala si pembuli hanya mahu jadi hero dan meraih perhatian. Amat malang sekali kepada mangsa buli siber apabila menerima kecaman yang hebat dari ramai pembuli dan kadangkala penyebaran viral itu adalah kurang tepat dan palsu. Justeru media sosial dijadikan medium untuk mengaibkan seseorang demi kepentingan individu tertentu.

Selain itu, buli siber yang berlaku melalui penyebaran viral bukan sahaja mampu memburukkan nama seseorang malahan mampu membawa kepada perpecahan masyarakat di samping menggugat keharmonian dan keamanan institusi sosial. Hal ini boleh terjadi kerana mesej dan bahan yang disebarluaskan dan dikongsi ramai itu mencetuskan salah faham sehingga kadangkala menimbulkan pertelingkahan dan persengketaan di luar alam maya.

Bulisiber bukan sahaja menyentuh peribadi individu tetapi membabitkan isu perkauman yang boleh menggugat perpaduan kaum. Budaya mengapi-apikan perkauman perlu ditangani dengan bijak dan professional. Kegagalan mengurus persepsi dan menangani isu perkauman dengan penuh kemantangan mampu mengundang bahaya yang bagaikan bom jangka bila-bila masa boleh meletup. Kesilapan kita menyebarkan berita yang tidak benar akan membawa kepada musibah yang besar dalam masyarakat (Zulkiple Abd. Ghani,2003). Sikap terlalu rasis akan merosakkan perpaduan kaum dan menghuru-harakan negara.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Untuk mengenal pasti sikap/persepsi golongan muda tentang buli siber di media sosial
- ii. Untuk mengenal pasti jenis-jenis buli siber yang paling utama (seperti kata-kata kesat, isyarat atau sindiran, imej atau gambar atau visual, tuduhan palsu atau fitnah dan sesuatu yang mengaibkan) berlaku di kalangan golongan muda
- iii. Untuk mengenal pasti kesan-kesan yang paling utama (seperti tekanan psikologi, emosi, kesihatan dan kerjaya) terjadi akibat buli siber di kalangan golongan muda
- iv. Untuk mengenal pasti prosedur aduan yang dilakukan oleh golongan muda sekiranya masalah buli siber ini berlaku

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah sikap/persepsi golongan muda tentang buli siber di media sosial?.
- ii. Apakah jenis-jenis buli siber yang paling utama (seperti kata-kata kesat, isyarat atau sindiran, imej atau gambar atau visual, tuduhan palsu atau fitnah dan sesuatu yang mengaibkan) berlaku di kalangan golongan muda?

- iii. Apakah kesan-kesan yang paling utama (seperti tekanan psikologi, emosi, kesihatan dan kerjaya) terjadi akibat buli siber di kalangan golongan muda?.
- iv. Apakah prosedur aduan yang dilakukan oleh golongan muda sekiranya masalah buli siber ini berlaku?.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat penting untuk mengenal pasti sikap/persepsi golongan muda tentang buli siber di media sosial. jenis-jenis buli siber yang paling utama (seperti kata-kata kesat, isyarat atau sindiran, imej atau gambar atau visual, tuduhan palsu atau fitnah dan sesuatu yang mengaibkan) berlaku di kalangan golongan muda, kesan-kesan yang paling utama (seperti tekanan psikologi, emosi, kesihatan dan kerjaya) terjadi akibat buli siber di kalangan golongan muda dan mengenal pasti prosedur aduan yang dilakukan oleh golongan muda sekiranya masalah buli siber ini berlaku.

Buli siber tidak akan berlaku sekiranya pengguna media sosial ada sifat kematangan dalam menilai maklumat yang tersebar tanpa menerima bulat-bulat. Namun begitu, kebanyakkan perkara negatif yang ditularkan lebih mendapat perhatian daripada berita benar. Malah ada juga individu yang sanggup menggunakan media sosial sebagai senjata untuk memburukkan individu serta menghasut pula kepada pihak tertentu. Kita dituntut agar bercakap benar, jujur, mempunyai maksud, berobjektif dan bukan ucapan yang sia-sia (Siddiqui, 1988).

Pengguna juga perlu berfikir dengan matang sebelum menyebarkan sesuatu menerusi laman sosial kerana tersilap sebar, padah jawabnya. Bak kata pepatah “terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya”. Firman Allah dalam Surah Al Hujurat Ayat 6 maksudnya :

“Wahai orang-orang Yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini. Dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.

Sehubungan dengan itu, setiap individu perlu bertanggungjawab dengan apa yang mereka telah sebarkan di media sosial. Pastikan setiap perkara yang ingin disebarluaskan itu betul-betul sahih dan tidak menceroboh hak peribadi orang lain. Allah s.w.t memerintahkan orang beriman untuk menyiasat terlebih dahulu berita yang disampaikan oleh orang-orang yang tidak berakhhlak (Johari Alias, 2003). Apa yang kita kongsi menentukan siapa kita sebenarnya sama ada seorang yang matang atau tidak matang, baik atau tidak baik. Pilihan itu terletak di tangan kita sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah sebuah penyelidikan yang bersifat kuantitatif. Data-data dan maklumat yang diperoleh dinilai secara kaedah kuantitatif. Perbincangan kajian ini akan dilakukan dalam bentuk analisis deskriptif yang mengkaji tentang tingkah laku manusia yang boleh diamati sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan (Taylor dan Bogdan 1984). Dalam menjalankan kajian ini sumber sekunder juga digunakan, kajian perpustakaan dilakukan bagi memudahkan pengkaji mendapatkan gambaran dan menerangkan konsep dan kerangka.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian dibahagikan kepada Bahagian A iaitu demografi dan Bahagian B. Bahagian A berkaitan demografi responden iaitu jantina, umur, status perkahwinan, lokasi penempatan, tahap pendidikan, pengalaman menggunakan media sosial, bangsa, mengalami buli siber, mangsa buli siber mengikut lokasi dan mangsa buli siber mengikut tahap pendidikan.

Jadual 1. Jantina

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	164	41
Perempuan	236	59
Jumlah	400	100

Jadual 1, hasil daripada kajian didapati bahawa bilangan responden lelaki seramai 164 orang (41 peratus) dan perempuan seramai 236 (59 peratus) orang.

Jadual 2. Umur

Umur	Kekerapan	Peratusan
13 hingga 16 tahun	39	9.8
17 hingga 20 tahun	100	25.0
21 hingga 24 tahun	111	27.8
25 hingga 28 tahun	81	20.3
29 hingga 32 tahun	39	9.8
33 hingga 36 tahun	22	5.5
37 hingga 40 tahun	8	2.0
Jumlah	400	100

Jadual 2, analisis data menunjukkan majoriti responden berumur antara 21 hingga 24 tahun adalah seramai 111 orang (27.8 peratus), diikuti dengan responden berumur antara 17 hingga 20 tahun iaitu seramai 100 orang (25.0 peratus), bilangan responden berumur antara 25 hingga 28 tahun adalah seramai 81 orang (20.3 peratus), bilangan responden berumur antara 13 hingga 16 dan responden berumur antara 29 hingga 32 tahun mencatat bilangan nilai yang sama ramai iaitu masing-masing mencatat angka seramai 39 orang (9.8 peratus), 22 orang (5.5 peratus) berada dalam lingkungan umur 33 hingga 36 tahun dan 8 orang (2.0 peratus) responden berumur 37 hingga 40 tahun.

Jadual 3. Status perkahwinan

Status	Bilangan	Peratusan
Berkahwin	278	69.5
Bujang	122	30.5
Jumlah	400	100

Jadual 3, hasil kajian ini mendapati bilangan responden yang telah berkahwin adalah seramai 278 orang (69.5 peratus), manakala responden yang belum berkahwin adalah seramai 122 orang (30.5 peratus).

Jadual 4. Lokasi penempatan

Lokasi	Kekerapan	Peratusan
Bandar	127	31.75
Pinggir Bandar	101	25.25
Kawasan Perumahan	101	25.25
Kampung	71	17.75
Jumlah	400	100

Jadual 4, hasil kajian mendapati bahawa responden daripada kawasan bandar seramai 127 orang (31.75 peratus), pinggir bandar dan kawasan perumahan seramai 101 orang (25.25 peratus) dan kampung seramai 71 orang (17.75 peratus).

Jadual 5. Tahap pendidikan

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratusan
UPSR	34	8.5
PMR	43	10.75
SPM	103	25.75
STPM/Diploma	206	51.5
Sarjana Muda	14	3.5
Jumlah	400	100

Jadual 5, hasil kajian menunjukkan tahap pendidikan STPM/Diploma adalah kumpulan yang paling ramai, iaitu seramai 206 orang (51.5 peratus), diikuti oleh pendidikan SPM seramai 103 orang (25.75 peratus), PMR seramai 43 orang (10.75 peratus), UPSR seramai 34 orang (8.5 peratus), dan pendidikan Sarjana Muda seramai 14 orang 3.5 peratus.

Jadual 6. Pengalaman menggunakan media sosial

Pengalaman	Bilangan	Peratusan
> 21 tahun	3	0.75
18-20 tahun	6	1.5
15-17 tahun	25	6.3
12-14 tahun	52	13.0
8-11 tahun	63	15.8
4-7 tahun	100	25.0
1-3 tahun	151	37.8
Jumlah	400	100

Jadual 6, bilangan responden yang paling ramai adalah responden yang mempunyai pengalaman 1 hingga 3 tahun iaitu seramai 151 orang (37.8 peratus), diikuti dengan responden 4 hingga 7 tahun seramai 100 orang (25 peratus), pengalaman 8 hingga 11 tahun seramai 63 orang (15.8 peratus), pengalaman 12 hingga 14 tahun seramai 52 orang (13.0 peratus), pengalaman 15-17 tahun seramai 25 orang (6.3 peratus), pengalaman 18 hingga 20 tahun seramai 6 orang (1.5 peratus) dan pengalaman lebih dari 21 tahun (>21 tahun) seramai 5 orang (1.3 peratus).

Jadual 7. Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratus
Melayu	258	64.50
Cina	63	15.75
India	49	12.25
Lain-lain	30	7.50
Jumlah	400	100

Jadual 7, analisis data menunjukkan responden berbangsa Melayu merupakan responden yang paling ramai, iaitu seramai 258 orang (64.5 peratus) manakala responden berbangsa Cina seramai 63 orang (15.8 peratus), responden berbangsa India seramai 49 orang (12.3 peratus) dan lain-lain bangsa seramai 30 orang (7.5 peratus).

Jadual 8. Mengalami buli siber

Buli Siber	Bilangan	Peratus
Ya	78	19.5
Tidak	322	80.5
Jumlah	400	100.0

Jadual 8, analisis data menunjukkan responden seramai 78 orang (19.5 peratus) pernah mengalami buli siber manakala selebihnya iaitu seramai 322 orang (80.5 peratus) lagi tidak pernah mengalami buli siber.

Jadual 9. Mangsa buli siber mengikut lokasi

Lokasi	Bilangan	Peratus
Bandar	33	42.3
Pinggir Bandar	20	25.6
Kawasan Perumahan	14	17.9
Kampung	11	14.2
Jumlah	78	100.0

Jadual 9, didapati majoriti mangsa, iaitu 33 orang adalah dari kawasan bandar (42.3 peratus), diikuti oleh kawasan pinggir bandar (20 orang atau 25.6 peratus), kawasan perumahan (14 orang atau 17.9 peratus) dan kawasan kampung (11 orang atau 14.2 peratus).

Jadual 10. Mangsa buli siber mengikut tahap pendidikan

Taraf Akademik	Bilangan	Peratus
UPSR	2	2.7
PMR	14	17.9
SPM	16	20.5

Jadual 11. (samb.)

Taraf Akademik	Bilangan	Peratus
STPM/Diploma	43	55.1
Sarjana Muda	3	3.8
Jumlah	78	100.0

Jadual 10, didapati responden yang berkelulusan STPM/Diploma merupakan golongan majoriti yang mengalami buli siber, iaitu seramai 43 orang (55.1 peratus), diikuti oleh mangsa yang berkelulusan SPM, iaitu seramai 16 orang (20.5 peratus), mangsa yang berkelulusan PMR, iaitu seramai 14 orang (17.9 peratus), mangsa yang berkelulusan Sarjana Muda, iaitu seramai 3 orang (3.8 peratus) dan akhirnya mangsa yang berkelulusan UPSR seramai 2 orang (2.7 peratus).

Bahagian B, soalan berkaitan persepsi golongan muda tentang tingkah laku yang dikatakan sebagai buli siber, kesan-kesan (seperti tekanan psikologi, emosi, kesihatan, dan kerjaya) yang terjadi akibat buli siber di kalangan golongan muda dan prosuder aduan yang dilakukan oleh golongan muda sekiranya masalah buli siber ini berlaku.

Jadual 12. Persepsi golongan muda tentang buli siber

Perkara	Sangat Setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
	%	%	%	%	%
B1	39.8	20.8	13.0	10.8	15.8
B2	36.3	20.0	19.3	9.0	15.5
B3	38.3	18.5	15.3	11.5	9.8
B4	42.3	14.5	13.0	8.8	21.5
B5	44.8	12.5	12.5	7.5	22.8

Berdasarkan Jadual 11 di atas, B1 menunjukkan 39.8 peratus responden sangat setuju dengan “sindiran atau kata-kata yang didengari sering mengganggu emosi”, terdapat 20.8 peratus responden setuju, 10.8 peratus responden tidak setuju, 15.8 peratus responden sangat tidak setuju dan 13.0 peratus responden kurang setuju. Mengenai B2 sejumlah 36.3 peratus responden sangat setuju, 20.0 peratus responden setuju, 19.3 peratus responden kurang setuju, 9.0 peratus responden tidak setuju dan 15.5 peratus responden sangat tidak setuju dengan “pendedahan tentang hal peribadi dan kegagalan amat memalukan”. Adapun B3, sejumlah 38.3 peratus responden sangat setuju bahawa “komen-komen diselitkan dengan kata-kata kesat bertujuan untuk mengaibkan”, manakala 18.5 peratus responden setuju, 11.5 peratus tidak setuju, 9.8 peratus responden sangat tidak setuju dan 15.3 peratus responden kurang setuju. B4 pula, sangat bersetuju sebanyak 42.3 peratus responden, 14.5 peratus responden setuju, 13.0 peratus responden kurang setuju, 8.8 peratus responden tidak setuju dan 21.5 peratus responden sangat tidak setuju dengan pernyataan “menggunakan gurauan atau jenaka yang terlalu melampau di Media Sosial”. B5 berkaitan “menulis dan menghantar mesej yang mengandungi maksud tersirat” mendapati 44.8 peratus responden sangat setuju, 12.5 peratus responden setuju, 12.5 peratus responden kurang setuju, 7.5 peratus responden tidak setuju dan 22.8 peratus responden sangat tidak setuju.

Jadual 13. Kesan-kesan (seperti tekanan psikologi, emosi, kesihatan, dan kerjaya) yang terjadi akibat buli siber di kalangan golongan muda

Perkara	Sangat Setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
	%	%	%	%	%
B6	39.8	3.8	13.0	3.8	77.0
B7	3.8	9.3	6.3	5.0	75.8
B8	4.3	8.8	7.3	3.8	76.0
B9	3.8	9.3	6.3	4.8	76.0
B10	3.8	10.3	5.3	4.3	76.5

Dalam jadual 12 di atas, B6 menunjukkan 77.0 peratus responden sangat tidak bersetuju, 3.8 peratus responden tidak setuju, 9.5 peratus responden bersetuju, 3.8 peratus responden sangat setuju, dan 9.5 peratus responden setuju dengan pernyataan “sering berada dalam keadaan kemurungan”. Mengenai B7, sejumlah 75.8 peratus responden sangat tidak setuju, 5.0 peratus responden tidak setuju dan 6.3 peratus responden kurang setuju, 9.3 peratus responden setuju dan 3.8 peratus responden sangat bersetuju dengan ‘fikiran terganggu dan hilang fokus’. Adapun B8, sejumlah 76.0 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju dengan pernyataan “gangguan mengguris hati dan menyebabkan hilang semangat”, seramai 3.8 peratus responden tidak setuju, 7.3 peratus responden kurang setuju, 8.8 peratus responden setuju dan 4.3 peratus responden sangat setuju. B9 pula sejumlah 76.0 peratus responden sangat tidak setuju dengan pernyataan “keyakinan diri semakin berkurangan”, 4.8 peratus responden tidak setuju dan 6.3 peratus responden kurang setuju, 9.3 peratus responden setuju dan 3.8 peratus responden sangat setuju. B10 berkaitan pernyataan “perasaan takut menyelubungi diri”, sejumlah 76.5 peratus responden sangat tidak setuju, 4.3 peratus responden tidak setuju, 5.3 peratus responden kurang setuju dan 10.3 peratus responden setuju 3.8 peratus responden sangat setuju.

Jadual 14. Aduan yang dilakukan oleh golongan muda sekiranya masalah buli siber ini berlaku

Perkara	Sangat Setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
	%	%	%	%	%
B11	39.3	38.3	15.5	3.3	3.8
B12	45.5	29.3	16.3	5.0	4.0
B13	36.8	35.8	17.3	4.5	5.8
B14	51.3	23.0	14.8	5.3	5.3
B15	27.0	34.8	23.0	10.0	5.3

Dalam jadual 13, B11 menunjukkan “Ahli Keluarga”, 39.3 peratus responden sangat bersetuju, 38.3 peratus responden setuju, manakala 15.5 peratus kurang setuju, 3.8 peratus sangat tidak setuju dan 3.3 peratus responden tidak setuju Mengenai B12, sejumlah 45.5 peratus responden sangat setuju, 29.3 peratus responden setuju, 16.3 peratus responden kurang setuju, 5.0 peratus tidak setuju dan 4.0 peratus responden sangat tidak setuju dengan pernyataan “Rakan”. Adapun B13 sejumlah 36.8 peratus responden sangat setuju, 35.8 peratus responden bersetuju, 17.3 peratus responden kurang setuju, 5.8 peratus sangat tidak setuju dan 4.5 peratus responden tidak setuju dengan pernyataan “Polis”. B14 pula, hasil analisis menunjukkan pernyataan “SKMM”, 51.3 peratus responden sangat setuju, 23.0 responden setuju, 14.8 peratus responden kurang setuju, 5.3 peratus lagi responden sangat tidak setuju dan 5.3 peratus menyatakan tidak setuju. B15 berkaitan dengan “Berdiam Diri”, mendapat 27.0 peratus responden sangat setuju, 34.8 peratus responden setuju, 23.0 peratus responden kurang setuju, 10.0 peratus responden tidak setuju dan 5.3 peratus responden sangat tidak setuju.

RUMUSAN

Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) perlu mengambil tindakan yang tegas terhadap individu dan pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan berita palsu dan fitnah demi kepentingan peribadi sehingga menyebabkan berlaku buli siber. Mereka boleh dijatuhi hukuman di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Selain itu, ibubapa dan penjaga juga perlu memantau kegiatan anak-anak ketika menggunakan aplikasi media sosial dan melayari Internet supaya tidak terjebak dengan kancah viral dan fitnah. Ibubapa dan penjaga perlulah lebih peka dan prihatin terhadap aktiviti anak-anak mereka di ruang media sosial pada setiap hari. Hal ini kerana pada zaman maklumat di hujung jari ini, maklumat begitu pantas tersebar dan anak-anak perlu bijak untuk menapis setiap berita yang mereka terima di media sosial. Ibubapa dan penjaga perlu bertanggungjawab mendidik anak-anak mereka supaya dapat membezakan di antara berita yang benar dan palsu.

Ibu bapa dan penjaga juga perlu memantau dan menghadkan penggunaan Internet anak-anak dan memantau apa yang dilihat oleh anak-anak. Pembentukan peribadi anak-anak bermula di rumah, justeru demi masa depan anak-anak bertindaklah dengan berilmu dan berhemah. Umpama kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Setiap individu perlu bijak menapis kandungan berita, maklumat dan mesej yang diterima sebelum berkongsi dan menyebarkannya.. Dalam era ledakan maklumat, pemilik-pemilik akaun mudah untuk berkongsi maklumat yang mereka dapat di media sosial jadi mereka perlulah lebih berhati-hati dan bertanggungjawab ke atas berita yang mereka sebarkan kepada orang ramai. Kebanyakan kes buli siber yang berlaku adalah berpunca dari mereka yang mudah percaya atau menerima bulat-bulat isu yang diviralkan. Setiap individu perlu sentiasa berfikiran positif dan matang serta bertanggungjawab tanpa mementingkan diri sendiri ketika menggunakan laman media sosial.

KESIMPULAN

Golongan muda sekarang sering menggunakan media sosial sebagai hiburan dan mengisi masa lapang. Adalah tidak dinafikan bahawa golongan muda memang suka berkongsi maklumat atau berita sensasi yang ada di laman media sosial. Aktiviti penularan kandungan mesej, status dan komen di media sosial sudah menjadi satu budaya bertujuan untuk menjadi orang pertama yang menyebarkannya dan mahu mendapat perhatian umum.

Media sosial mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat. Adalah lebih baik sekiranya menularkan berita yang baik dan memberi manfaat kepada masyarakat. Setiap individu juga perlu menjadikan media sosial sebagai medium untuk membentuk komuniti yang sihat dan harmoni. Semua pihak perlu memastikan aplikasi dalam media sosial terus relevan sebagai penyulur maklumat yang positif.

Buli siber boleh ditegah dengan pembuktian fakta yang benar. Perkembangan semasa kini menunjukkan betapa pentingnya peranan fakta dalam membentuk persepsi yang sihat berdasarkan sumber maklumat yang dikenalpasti dan maklumat yang betul dan tepat. Fakta berbeza dengan pendapat kerana pendapat membawa maklumat benar, maklumat tidak boleh dibuktikan tidak benar namun dari sumber yang tidak pasti dan samar. Jauhilah pemalsuan maklumat kerana mengandungi prejedis yang tinggi dan sumber tidak dapat dikesan.

Persepsi negatif yang mencetuskan buli siber dan perselisihan faham banyak bergantung kepada pendapat dan maklumat palsu. Persepsi negatif dan tular tanpa diselidik terlebih dahulu tidak seharusnya menjadi budaya dan dianggap sebagai salah satu cabang seni dalam penulisan dan lukisan. Budaya menyebar berita palsu dan fitnah bukan sahaja berdosa malah boleh memecahbelahkan masyarakat, menimbulkan suasana huru-hara dalam negara dan mengugat keamanan dan keselamatan negara.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 1997. Daya Pengaruh dan Perubahan Sikap. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Muhammad Zin, 1992. Al-Akhlaq al-Islamiah-wa Atharuha fi Bina' al-Mujtama'. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abu Hasan Hasbullah. 2012. Teknologi Makin Maju, Pemikiran Makin Mundur. Selangor: Utusan Karya.
- Ghazali Sulaiman. (2007). Media Komunikasi Islam. S.Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail & Aini Faezah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UiTM.
- Mohd Shobi Ishak, Musa Abu Hassan, Siti Zobidah Omar & Jusang Bolong. (2011). Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Najidah Zakariya, and Abu Dardaa Mohamad , (2013) Media sebagai wasilah dakwah. Al-Hikmah, 5. pp. 92-99
- Noor Shakirah Mat Akhir (2006). Dakwah dan Cabaran Teknologi Maklumat, dlm. Isu dan Cabaran Media di Malaysia, (pnyt.) Mohamad Md Yusoff et al. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Komuniukasi Universiti Sains Malaysia.
- Siti Eizaleila Mustafa & Azizah Hamzah. (2010). Media Sosial: Tinjauan Terhadap Laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan. Jurnal Pengajaran Media Malaysia. Vol. 12, No. 2, Pages 37–52
- Siti Rokiah Ab Rahman dan Fadzli Adam. 2015. Penggunaan Youtube sebagai Medium Pembelajaran agama dalam kalangan Generasi Y di Terengganu,
- Zulkiple Abd Ghani. (2001). Komunikasi Islam Sebagai Komunikasi Alternatif. Jurnal Islamiyyat. 22: 79- 89.
- Zulkefli Aini & S. Salahudin Suyurno (2012). Asas Komunikasi Dakwah. KUIS: Jabatan Dakwah dan Pengurusan